

**BERITA ONLINE
BERNAMA
TARIKH: 15 NOVEMBER 2021
(ISNIN)**



MOSTI galak kolaborasi swasta, awam perkasa STIE, bantu individu terkesan COVID-19



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba ketika melawat ke bilik latihan pada Majlis Graduasi Program MyMobiFix di sebuah hotel hari ini.



15/11/2021 11:28 PM

KUALA LUMPUR, 15 Nov – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menggalakan kolaborasi di antara pihak swasta dan awam dalam usaha memperkasakan Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) khususnya bagi membantu individu yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Menteri berkenaan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata badan korporat, syarikat-syarikat swasta dan agensi-agensi kerajaan memainkan peranan dalam usaha memulihkan ekonomi rakyat dengan mewujudkan peluang bagi membantu peserta dalam menjana pendapatan menerusi kemahiran tertentu.

Katanya program seperti MyMobiFix anjuran MOSTI melalui Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dilihat mampu menyediakan peserta dengan kemahiran dan pengetahuan keusahawanan serta bidang pembaikan telefon pintar bagi meningkat taraf kehidupan.

"Mereka akan berpeluang untuk membuka perniagaan sendiri dan menguruskannya dengan baik di bawah 'gig ekonomi' dengan memberikan mereka fleksibiliti untuk bekerja dari rumah tanpa perlu membuka kedai.

"Selain itu, dengan bakat dan minat mendalam dalam bidang sebegini, mereka juga boleh menjadi *Train-the-trainer* yang membolehkan mereka menjadi jurulatih junior sambil mendalami pengetahuan perisian dan perkakasan untuk meningkatkan lagi kemahiran teknikal mereka," katanya.

Dr Adham berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis graduasi MyMobiFix melibatkan 50 peserta yang dijalankan selama enam hari yang berakhir hari ini. Inisiatif ini dibiayai sepenuhnya oleh HSBC Bank Malaysia sebanyak RM500,000.

Menurutnya MyMobiFix menawarkan kursus kemahiran bagi mereka yang kehilangan pekerjaan, golongan asnaf, ibu tunggal serta belia yang tidak mempunyai peluang untuk belajar kemahiran ini di sekolah maupun kolej-kolej vokasional.

"Program MyMobiFix ini adalah contoh yang baik dalam memastikan perkhidmatan teknikal dalam pembaikan telefon pintar dapat dipupuk dalam setiap lapisan masyarakat. Ini adalah selaras dengan harapan Malaysia untuk menjadi sebuah negara berteknologi tinggi menjelang tahun 2030," katanya.

Beliau berkata berdasarkan laporan kajian daripada Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun ini, sebanyak 98.2 peratus responden di kalangan rakyat Malaysia memiliki telefon pintar.

Katanya peratusan pemilikan telefon pintar ini adalah antara kesan pandemik COVID-19 memandangkan gajet berkenaan adalah medium yang digunakan bagi capaian internet khususnya bagi tujuan akses kepada aplikasi berkaitan pendidikan, kesihatan, perbankan dan e-dagang.

"Kita percaya program yang melibatkan kemahiran seperti MyMobiFix ini merupakan inisiatif yang tepat pada masanya dan bakal menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan khususnya dalam sektor ekonomi gig," katanya.

-- BERNAMA